

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK	Hong Leong Assurance Berhad
Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil <i>Credit Shield Premier</i>. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat	Credit Shield Premier (Ini adalah Produk Insurans)

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah produk ini?

- Ini merupakan polisi kumpulan tanpa penyertaan yang memberi perlindungan Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), Penyakit Kritis atau Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (TTD), yang mana lebih awal.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Tempoh perlindungan adalah sehingga Ahli yang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun atau sehingga penamatian, yang mana berlaku dahulu.

Polisi ini melindungi:

Faedah Kematian

Apabila Ahli yang Diinsuranskan meninggal dunia, Faedah Kematian yang bersamaan dengan jumlah baki tertunggak akaun kad kredit pada tarikh kejadian, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM100,000 bagi Ahli yang Diinsuranskan yang memegang kad emas atau klasik secara kolektif atau RM300,000 bagi Ahli yang Diinsuranskan yang memegang kad platinum atau kad yang lebih tinggi secara kolektif, akan dibayar. Untuk tujuan klarifikasi, jika Ahli yang Diinsuranskan memegang lebih daripada satu jenis kad, had maksima yang dikenakan ke atas kad yang lebih tinggi yang dipegang oleh Ahli yang Diinsuranskan hendaklah terpakai.

Sekiranya Ahli yang Diinsuranskan meninggal dunia dalam tempoh Ahli yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh Sementara, Faedah Kematian yang akan dibayar adalah 20 kali ganda Faedah Hilang Upaya Menyeluruh Sementara tolak sebarang Faedah Hilang Upaya Menyeluruh Sementara yang telah dibayar sehingga tarikh Kematian Ahli yang Diinsuranskan.

Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)

Sekiranya Ahli yang Diinsurangkan mengalami TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun), Faedah TPD bersamaan dengan jumlah baki tertunggak akaun kad kredit pada tarikh kejadian TPD, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM100,000 bagi Ahli yang Diinsuranskan yang memegang kad emas atau klasik secara kolektif atau RM300,000 bagi Ahli yang Diinsuranskan yang memegang kad platinum atau kad yang lebih tinggi secara kolektif, akan dibayar. Untuk tujuan klarifikasi, jika Ahli yang Diinsuranskan memegang lebih daripada satu jenis kad, had maksima yang dikenakan ke atas kad yang lebih tinggi yang dipegang oleh Ahli yang Diinsuranskan hendaklah terpakai. Faedah TPD adalah juga tertakluk kepada peruntukan TPD seperti yang dinyatakan di bawah:

Peruntukan TPD

Jumlah Faedah TPD setiap hayat yang akan dibayar bagi setiap polisi yang menginsuranskan Ahli yang Diinsuranskan tidak akan melebihi Had Faedah TPD setiap hayat RM10,000,000. Jumlah Faedah TPD setiap hayat merujuk kepada perlindungan TPD bagi semua polisi yang berkuatkuasa atas setiap Ahli yang Diinsuranskan ketika kejadian tuntutan.

Jika jumlah Faedah TPD tidak melebihi RM10,000,000, syarikat akan membayar amanah yang tidak melebihi daripada RM4,000,000 secara sekaligus dan bakinya hendaklah dibayar dalam dua ansuran yang sama pada ulang tahun pertama dan ulang tahun kedua dari tarikh pembayaran pertama Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal;

Jika jumlah Faedah TPD melebihi RM10,000,000, hanya RM10,000,000 akan dibayar sebagai Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal pdengan cara yang dinyatakan di atas. Baki Jumlah Diinsuranskan, jika ada, akan dibayar pada Kematian Ahli yang Diinsuranskan dalam tempoh perlindungan dan premium akan dikecualikan.

Ahli yang Diinsuranskan tidak berhak untuk menuntut Faedah TPD lagi apabila Ahli yang Diinsuranskan mencapai umur 65.

Sekiranya TPD berlaku dalam tempoh Ahli yang Diinsuranskan mengalami TTD, Faedah TPD yang akan dibayar adalah 20 kali ganda Faedah TTD tolak sebarang Faedah TTD yang telah dibayar sehingga tarikh TPD Ahli yang Diinsuranskan.

Faedah Penyakit Kritikal

Jika Ahli yang Diinsurangkan didiagnosis dengan mana-mana satu penyakit daripada 36 penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi, Faedah Penyakit Kritikal bersamaan dengan jumlah baki tertunggak akaun kad kredit pada tarikh diagnosis, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM100,000 bagi Ahli yang Diinsurangkan yang memegang kad emas atau klasik secara kolektif atau RM300,000 bagi Ahli yang Diinsurangkan yang memegang kad platinum atau kad yang lebih tinggi secara kolektif, akan dibayar. Untuk tujuan klarifikasi, jika Ahli yang Diinsurangkan memegang lebih daripada satu jenis kad, had maksima yang dikenakan ke atas kad yang lebih tinggi yang dipegang oleh Ahli yang Diinsurangkan hendaklah terpakai.

Sekiranya Penyakit Kritikal didiagnosis apabila Ahli yang Diinsurangkan mengalami TTD, Faedah Penyakit Kritikal yang kena dibayar adalah 20 kali ganda Faedah Hilang Upaya Menyeluruh Sementara tolak sebarang Faedah Hilang Upaya Menyeluruh Sementara yang telah dibayar sehingga tarikh diagnosis Penyakit Kritikal Ahli yang Diinsurangkan.

36 Penyakit-penyakit Kritikal berikut dilindungi:

- | | | |
|--|--|---|
| 1. Strok | 13. Buta | 27. Penyakit Neuron Motor |
| 2. Serangan Jantung | 14. Pekak | 28. Penyakit Parkinson |
| 3. Kegagalan Ginjal | 15. Terbakar Darjah Ketiga | 29. Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk |
| 4. Kanser | 16. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir | |
| 5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari | 17. Ensefalitis | 30. Distrofi Otot |
| 6. Penyakit Arteri Koronari Serius | 18. Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang | 31. Pembedahan Aorta |
| 7. AIDS Peringat Teruk | 19. Hilang Pertuturan | 32. Sklerosis Berbilang Menyeluruh |
| | 20. Pembedahan Otak | 33. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer |
| 8. Kegagalan Hati Tahap Akhir | 21. Pembedahan Injap Jantung | 34. Penyakit Sista Medulari |
| 9. Hepatitis Virus Fulminan | 22. Kehilangan Upaya Hidup Berdikari | 35. Kardiomiopathi |
| 10. Koma | 23. Jangkitan HIV Akibat Transfusi Darah | 36. Lupus Eritematosus Sistematik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Teruk |
| 11. Tumor Otak Benigna | 24. Meningitis Bakteria | |
| 12. Kelumpuhan Anggota Badan | 25. Trauma Kepala Utama | |
| | 26. Anemia Aplastik Kronik | |

Faedah Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (TTD)

Sekiranya Ahli yang Diinsurangkan mengalami TTD, Faedah TTD bersamaan dengan lima peratusan (5%) daripada jumlah baki tertunggak akaun kad kredit pada tarikh kejadian TTD tersebut, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM5,000 bagi Ahli yang Diinsurangkan yang memegang kad emas atau klasik atau RM15,000 bagi Ahli yang Diinsurangkan yang memegang kad platinum atau kad yang lebih tinggi, akan dibayar.

Premium akan diketepikan semasa tempoh kurang upaya. Faedah TTD akan dibayar setiap bulan dengan syarat Ahli yang Diinsurangkan terus mangalami Hilang Upaya Menyeluruh Sementara sehingga maksimum dua puluh (20) bulan.

Premium akan disambung semula pada tarikh pengebilan berikutnya pemuliharaan dari TTD.

Permohonan untuk Credit Shield Premier akan merangkumi semua kad kredit sedia ada dengan Hong Leong Bank Berhad. Setelah mendapat kelulusan, semua kad kredit berikutnya juga akan dilindungi secara automatik. Perlindungan untuk kad kredit berikutnya akan dikenakan pengecualian yang sama seperti yang dinyatakan dalam perkara (6). Bagi tujuan klarifikasi, Tarikh Efektif perlindungan insurans untuk setiap kad kredit berikutnya adalah tarikh pengaktifan bagi setiap kad berikutnya.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah baki tertunggak seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit Hong Leong Bank Berhad. Premium adalah didebitkan secara automatic dari akaun kad kredit anda setiap bulan.
- Premium bulanan yang perlu dibayar oleh anda adalah RM0.65 bagi setiap RM100 daripada jumlah baki tertunggak akaun kad kredit. Premium akan dibayar sekiranya masih terdapat baki tertunggak dalam akaun kad kredit anda. Kadar premium tidak terjamin dan Hong Leong Assurance Berhad berhak menyemak semula kadar premium dengan memberi sembilan puluh (90) hari notis bertulis terlebih dahulu. Pembaharuan polisi adalah pada kadar bulanan sehingga Ahli yang Diinsurangkan mencapai umur 65.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

6% cukai perkhidmatan akan dikenakan jika premium polisi disumbangkan oleh korporat. Sebaliknya, tiada cukai perkhidmatan dikenakan jika premium disumbangkan oleh individu. Berikut adalah komisen yang dibayar kepada Hong Leong Bank Berhad, yang ditanggung oleh anda dan dibayar daripada premium anda.

Komisen dalam Peratusan Premium (%)	10%
--	-----

Contohnya, untuk premium bulanan RM10, komisen yang dibayar daripada premium anda ialah RM1.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya katahui?

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi tersebut dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyampaian polisi tersebut kepada anda. Premium yang telah anda bayar termasuk sebarang cukai berkenaan yang telah dibayar (selepas menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Awak patut berasa puas hati bahawa polisi ini dapat memenuhi keperluan anda dan anda berupaya untuk menanggung bayaran premium polisi ini.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?**Faedah Kematian**

Tiada Faedah Kematian akan dibayar jika Ahli yang Diinsuranskan:

- sama ada siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Efektif;
- kematian dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Efektif yang bukan berpunca daripada kemalangan.

Faedah TPD/TTD

Tiada Faedah TPD/TTD akan dibayar:

- i. Jika hilang upaya tersebut yang berpunca secara langsung atau tidak langsung:
 - a) daripada sebarang kecederaan anggota badan secara sengaja ketika siuman atau tidak siuman;
 - b) daripada penerbangan di dalam pesawat udara (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang, dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual berkala);
 - c) daripada apa jua perkara ketika berkhidmat dalam angkatan bersenjata, polis dan angkatan separa tentera disebabkan oleh perang yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, rusuhan atau kekecohan awam.
- ii. Jika TPD/TTD berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Efektif yang bukan berpunca daripada kemalangan.

Faedah Penyakit Kritikal

Tiada Faedah Penyakit Kritikal akan dibayar jika:

- i. Tanda-tanda atau gejala-gejala Penyakit Kritikal dimanifestasikan sebelum atau:
 - a) dalam enam puluh (60) hari dari Tarikh Efektif, berkenaan dengan:
 1. Kanser;
 2. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari;
 3. Serangan jantung; atau
 4. Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
 - b) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Efektif berkenaan dengan semua Penyakit Kritikal lain yang tidak dinyatakan dalam Perkara (a) di atas;
- ii. Penyakit Kritikal yang berpunca daripada Penyakit/Keadaan Pra-wujud; atau
- iii. Penyakit Kritikal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Imunodifisiensi Manusia (HIV). Pengecualian adalah apabila AIDS Peringkat Teruk atau Jangkitan HIV Akibat Transfusi Darah.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Notis bertulis perlu diberi kepada Hong Leong Assurance Berhad. Insurans ini akan berhenti bermula daripada tarikh pembayaran kad kredit anda yang seterusnya. Jika pembatalan dalam tempoh lima belas (15) hari tempoh bertenang, premium akan dibayar balik termasuk sebarang cukai berkenaan yang telah dibayar (tolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan). Selepas tempoh bertenang, tiada nilai penyerahan tunai akan dibayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya?

Anda mestilah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan *insuranceinfo* tentang 'Insurans Hayat', yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada perkhidmatan pelanggan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong Assurance Berhad
Level 3, Tower B, PJ City
Development No 15A, Jalan 219,
Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

Tel: 03 - 7650 1288
Fax: 03 - 7650 1299
Website: www.hla.com.my

10. Lain-lain perlindungan yang sedia ada.

Sila rujuk kepada perkhidmatan pelanggan kami untuk mendapatkan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA PATUT MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK KETERANGAN YANG LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada January 2023.